

23 SEP 1997

KERETA PROTON KEDUA BERASASKAN CITROEN DI JALAN RAYA TAHUN DEPAN

KUALA LUMPUR, 23 Sept (Bernama) -- Kereta nasional kedua yang menggunakan teknologi daripada pembuat kereta Citroen dari Perancis dijangka berada di jalan raya menjelang akhir tahun depan.

Berasaskan kepada model "PS8" yang dikeluarkan oleh Citroen di Eropah, ia akan menjadi kereta kedua menggunakan teknologi Perancis selepas Proton Tiara yang berdasarkan pada "Citroen AX."

Gabungan itu untuk mengeluarkan kereta bersama dimeterai hari ini susulan daripada permeterian perjanjian antara Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton) dengan Automobiles Citroen dari Perancis dan Usahasama Proton-DRB Sdn Bhd.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyaksikan majlis pemeteraian perjanjian itu yang turut dihadiri oleh pengerusi DRB-Hicom, Datuk Mohd Saleh Sulong.

Perjanjian itu yang memerlukan pakar teknikal dari pembuat kereta Perancis dijangka akan terus meningkatkan pelbagai produk bagi kereta Proton.

Model 1114 cc, yang akan dimajukan oleh Proton, akan dipasang di kilang auto di Pekan, milik Automotive Manufacturers (Malaysia) Sdn Bhd, anggota kumpulan syarikat DRB-Hicom.

Model baru itu yang akan diedarkan oleh USPD, dijangka akan dilancarkan dalam pasaran Malaysia menjelang akhir tahun depan.

Model baru itu pertama kali dilancarkan tahun lalu pada pertengahan 1996 di Eropah, dengan menggunakan jenama PS 8. -- BERNAMA

AA ZK MA